

**KESAN KAWALAN SOSIAL TERHADAP  
PENGGUNA DADAH YANG SEDANG MENGIKUTI  
PROGRAM PENGAWASAN DI CAWANGAN  
PENGAWASAN, BIRO KAWALAN NARKOTIK,  
BRUNEI DARUSSALAM**

**ZULHILMI BIN HAJI JAIDIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2019**

**KESAN KAWALAN SOSIAL TERHADAP  
PENGGUNA DADAH YANG SEDANG MENGIKUTI  
PROGRAM PENGAWASAN DI CAWANGAN  
PENGAWASAN, BIRO KAWALAN NARKOTIK,  
BRUNEI DARUSSALAM**

oleh

**ZULHILMI BIN HAJI JAIDIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Disember 2019**

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua saya telah berjaya menyempurnakan dan menyiapkan tesis ini. Ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Sundramoorthy A/L M. Pathmanathan selaku penyelia utama di atas segala tunjuk ajar, nasihat, bantuan dan sokongan yang diberikan. Terima kasih juga ditujukan kepada penyelia kedua iaitu Dr. Premalatha A/P Karupiah atas segala bantuan dan sokongan yang diberikan. Terima kasih juga kepada pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) dalam memberikan bantuan dan kerjasama sepanjang saya menjalani pengajian di USM. Terima kasih juga kepada semua pensyarah Antropologi dan Sosiologi, USM yang memberikan nasihat dan pandangan dalam penyediaan tesis ini.

Sehubungan itu, ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan juga saya tujukan kepada pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) terutama sekali kepada Pengarah Biro Kawalan Narkotik dan Penolong Pengarah Pengawasan yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk membuat kajian di lokasi tersebut. Begitu juga dengan pegawai dan kakitangan Cawangan Pengawasan, BKN yang sangat membantu dan bekerjasama sehingga memudahkan saya untuk menjalankan kajian sehingga selesai. Budi baik dan jasa anda semua tidak akan dapat saya lupakan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Brunei Darussalam kerana telah memperkenankan Latihan Dalam

Perkhidmatan (LDP) kepada saya bagi melanjutkan pengajian diperingkat Doktor Falsafah (PhD). Setinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Akademi Pengajian Brunei (APB) kerana telah memberikan peluang dan kepercayaan kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga ke tahap ini. Terima kasih juga kepada semua pensyarah dan kakitangan APB yang memberikan nasihat, sokongan dan semangat kepada saya untuk terus berjuang sehingga mencapai kejayaan yang dikecap ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada para responden dan informan kajian terutama kepada bekas pengguna dadah yang sudi meluangkan masa mereka untuk membolehkan proses pengutipan dan pengumpulan data dilakukan. Tanpa anda, kajian ini tidak akan dapat diteruskan. Tidak dapat juga dilupakan diucapkan terima kasih buat isteri tersayang Hajah Izzah binti Haji Amit yang tidak putus-putus memberikan sokongan, dorongan, nasihat dan semangat serta berkorban masa dan tenaga membantu saya sepanjang proses penulisan sehingga siapnya tesis ini. Terima kasih ini juga ditujukan kepada ibu bapa yang dikasihi Haji Jaidin bin Haji Johan dan Hajah Tiamah binti Ahmad, adik beradik, ipar, mertua dan saudara mara kerana memberikan semangat dan mendoakan kejayaan saya. Buat anakanda tercinta Izzul Yasirah Batrisyia diucapkan terima kasih kerana memahami situasi ayahmu walaupun terpaksa membahagikan masa antara pelajaran dan keluarga. Akhir kata dari saya hanya Allah Subhanahu wa Ta'ala saja yang dapat membalas segala doa, nasihat, dorongan dan semangat yang anda semua berikan.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI SIMBOL</b>	xvi
<b>ABSTRAK</b>	xviii
<b>ABSTRACT</b>	xx
<b>BAB I - PENGENALAN</b>	
1.1 Latar Belakang Lokasi Kajian	1
1.1.1 Biro Kawalan Narkotik	2
1.1.1(a) Akta Penyalahgunaan Dadah	4
1.1.2 Latar Belakang Cawangan Pengawasan	6
1.1.2(a) Bahagian Perkhidmatan Psikologi	8
1.1.2(b) Bahagian Perkhidmatan Pengawasan	9
1.1.2(c) Bahagian Perkhidmatan Psikososial	10

1.1.2(c)(i)	Bahagian Perkhidmatan Program Kepulihan	11
1.1.2(c)(ii)	Bahagian Perkhidmatan Kaunseling	12
1.1.2(c)(iii)	Bahagian Perkhidmatan Kesejahteraan Komuniti	13
1.1.3	Syarat Kemasukan Pengawasan	15
1.1.3(a)	Kemasukan Secara Mandatori	15
1.1.3(b)	Kemasukan Secara Sukarela	15
1.1.3(c)	Kemasukan Secara Pentadbiran	16
1.1.4	Peraturan Pengawasan	17
1.1.5	Tempoh Pengawasan	18
1.1.6	Pembebasan Pengawasan	18
1.1.7	Pelanggaran Pengawasan	19
1.2	Pernyataan Masalah	19
1.3	Persoalan Kajian	25
1.4	Objektif Kajian	25
1.5	Kepentingan Kajian	26
1.6	Skop Kajian	27
1.7	Limitasi Kajian	28
1.8	Definisi dan Operasionalisasi Konsep	28
1.8.1	Pengguna Dadah	28

1.8.2	Kawalan Sosial	29
1.8.3	Kawalan Diri	31
1.8.4	Pengawasan	31
1.8.5	Program Pengawasan	33
1.8.6	Sokongan Sosial	34
1.8.7	Ibu Bapa/Keluarga	35
1.8.8	Kawan	35
1.8.9	Masyarakat	36
1.9	Kerangka Konseptual	36
1.10	Etika Kajian	39
1.11	Penyusunan Bab Kajian	40
1.12	Rumusan	42
 <b>BAB II - ULASAN KARYA</b>		
2.1	Pengenalan	43
2.2	Teori Utama Sosiologi	43
2.2.1	Paradigma Interaksionisme	45
2.2.1(a)	Teori Kawalan Sosial	47
2.2.1(b)	Teori Kawalan Diri	51

2.3	Faktor-Faktor Kawalan Sosial	54
2.3.1	Kawalan Diri	54
2.3.2	Pengawasan	57
2.3.3	Program Pengawasan	61
2.3.4	Sokongan Sosial	65
	2.3.4(a) Ibu Bapa/Keluarga	66
	2.3.4(b) Kawan	68
	2.3.4(c) Masyarakat	70
2.4	Hipotesis Kajian	73
2.5	Rumusan	74

### **BAB III - METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	75
3.2	Reka Bentuk Kajian	75
3.3	Lokasi Kajian	78
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	79
3.5	Instrumen Kajian	81
	3.5.1 Soal Selidik	81
	3.5.2 Temu Bual	86



3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kuantitatif	88
3.6.1	Analisis Faktor	92
3.6.2	Kaedah <i>Cronbach Alpha</i>	98
3.7	Kaedah Memproses dan Menganalisis Data	101
3.8	Rumusan	114

#### **BAB IV - DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	115
4.2	Latar Belakang Responden	116
4.2.1	Umur	116
4.2.2	Gender	117
4.2.3	Warganegara	117
4.2.4	Etnik	118
4.2.5	Daerah Tinggal	118
4.2.6	Status Perkahwinan	119
4.2.7	Agama	120
4.2.8	Tahap Pendidikan	120
4.2.9	Responden Tinggal Bersama	121
4.2.10	Pekerjaan	122
4.2.11	Jenis Pekerjaan	123

4.2.12	Pendapatan Bulanan	124
4.2.13	Mempunyai Bapa	125
4.2.14	Mempunyai Ibu	125
4.2.15	Status Perkahwinan Ibu Bapa	126
4.3	Kekerapan Tangkapan terhadap Pelanggaran Akta Penyalahgunaan Dadah, Kemasukan dan Fasa Pengawasan	127
4.3.1	Kekerapan Tangkapan Terhadap Pelanggaran Akta Penyalahgunaan Dadah	127
4.3.2	Kemasukan ke Cawangan Pengawasan	128
4.3.3	Fasa Pengawasan	129
4.4	Pengujian Hipotesis Kajian	129
4.5	Rumusan	135

## **BAB V - PERBINCANGAN KAJIAN**

5.1	Pengenalan	136
5.2	Program Pengawasan	136
5.3	Kawalan Diri	153
5.4	Masyarakat	160
5.5	Pengawasan	165
5.6	Ibu Bapa/Keluarga	177
5.7	Rumusan	186

## **BAB VI - KESIMPULAN**

6.1	Rumusan Keseluruhan	187
6.2	Cadangan Kajian	193

<b>RUJUKAN</b>	196
----------------	-----

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Bilangan tangkapan pengguna dadah di Brunei Darussalam bagi tahun 2012 hingga 2016	20
Jadual 1.2	Taburan Orang Yang Dibawah Pengawasan (OYDP) bagi tahun 2015 dan 2016	22
Jadual 3.1	Deskriptif kenormalan data	94
Jadual 3.2	Komponen transformasi matrik ( <i>component transformation matrix</i> )	98
Jadual 3.3	Keputusan nilai pekali kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i>	99
Jadual 3.4	Klasifikasi nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i> menurut Hair, Babin, Money & Samouel	100
Jadual 3.5	Klasifikasi nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i> menurut Sekaran dan Bougie	101
Jadual 3.6	Statistik kolineariti ( <i>collinearity statistics</i> )	109
Jadual 3.7	Nilai <i>Durbin-Watson</i>	110
Jadual 3.8	Nilai ekstrem ( <i>outliers</i> )	112
Jadual 3.9	<i>Residual statistics</i>	112
Jadual 4.1	Taburan responden mengikut umur	116
Jadual 4.2	Taburan responden mengikut gender	117
Jadual 4.3	Taburan responden mengikut warganegara	117
Jadual 4.4	Taburan responden mengikut etnik	118
Jadual 4.5	Taburan responden mengikut daerah tinggal	119
Jadual 4.6	Taburan responden mengikut status perkahwinan	119

Jadual 4.7	Taburan responden mengikut agama	120
Jadual 4.8	Taburan responden mengikut tahap pendidikan	121
Jadual 4.9	Taburan responden tinggal bersama semasa menjalani pengawasan	122
Jadual 4.10	Taburan responden mengikut pekerjaan	122
Jadual 4.11	Taburan responden mengikut jenis pekerjaan	124
Jadual 4.12	Taburan responden mengikut pendapatan dalam sebulan	125
Jadual 4.13	Taburan responden mempunyai bapa	125
Jadual 4.14	Taburan responden mempunyai ibu	126
Jadual 4.15	Taburan responden mengikut status perkahwinan ibu bapa	126
Jadual 4.16	Taburan responden mengikut kekerapan tangkapan terhadap pelanggaran akta penyalahgunaan dadah	127
Jadual 4.17	Taburan responden mengikut kemasukan ke cawangan pengawasan	128
Jadual 4.18	Taburan responden mengikut fasa pengawasan	129
Jadual 4.19	Pengujian hipotesis kajian	133
Jadual 4.20	Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang masuk dan keluar	134
Jadual 5.1	Analisis regresi berganda bagi program pengawasan	138
Jadual 5.2	Analisis regresi berganda bagi kawalan diri bersama program pengawasan	154
Jadual 5.3	Analisis regresi berganda bagi masyarakat bersama program pengawasan dan kawalan diri	161
Jadual 5.4	Analisis regresi berganda bagi pengawasan bersama program pengawasan, kawalan diri dan masyarakat	167
Jadual 5.5	Analisis regresi berganda bagi ibu bapa atau keluarga bersama program pengawasan, kawalan diri, masyarakat dan pengawasan	179

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1 Struktur organisasi Biro Kawalan Narkotik	4
Rajah 1.2 Struktur organisasi Cawangan Pengawasan	8
Rajah 1.3 Kerangka konseptual kajian	38
Rajah 3.1 Kaedah pengumpulan data	88
Rajah 3.2 Histogram kenormalan data	95
Rajah 3.3 Normal $Q-Q$ plot bagi kawalan sosial	96
Rajah 3.4 Ujian <i>outliers</i> bagi kawalan sosial	97
Rajah 3.5 Kenormalan data	105
Rajah 3.6 Normal $P-P$ plot	106
Rajah 3.7 Kelinearan antara pemboleh ubah peramal dengan pemboleh ubah kriteria	107
Rajah 3.8 <i>Scatterplot</i> bagi menunjukkan homoskedastisiti ( <i>homoscedasticity</i> )	108

## SENARAI FOTO

	<b>Halaman</b>
Foto 5.1 Program kerohanian	144
Foto 5.2 Program <i>team building</i>	144
Foto 5.3 Program sokong bantu	148
Foto 5.4 Taklimat dan pembacaan ikrar bagi program orientasi	173
Foto 5.5 Program muzakarah bersama keluarga	183

## SENARAI SINGKATAN

ADK	Agensi Dadah Kebangsaan
AJK	Ahli Jawatankuasa
ASI	<i>Addiction Severity Index</i>
BASMIDA	Basmi Dadah
BKN	Biro Kawalan Narkotik
CAP	<i>Civil Addict Program</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
DAST	<i>Drug Abuse Sreening Test</i>
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
MMSE	<i>Mini Mental State Examination</i>
OYDP	Orang Yang Dibawah Pengawasan
PAI	<i>Personality Assessment Inventory</i>
PDP	Pengawasan Dadah Pentadbiran
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>



## SENARAI SIMBOL

Ho	Hipotesis nul
Ha	Hipotesis alternatif
N	Jumlah responden
R	Nilai koefisien korelasi
<	Lebih kecil daripada
>	Lebih besar daripada
/	dan/atau
%	Peratus
÷	Bahagi
=	Sama dengan
-	Tolak
+	Campur
±	Campur-tolak
df	<i>Degree of freedom</i>
F	<i>F value</i>
$\beta$	<i>Beta</i>
p	<i>p value</i>
t	<i>t value</i>
Sig.	<i>Significant</i>
Std.	Standard
Std. Dev.	<i>Standard Deviation</i>

KS	Kawalan Sosial
KD	Kawalan Diri
P	Pengawasan
PN	Program Pengawasan
IBK	Ibu Bapa atau Keluarga
M	Masyarakat
BND	Brunei Dollar

**KESAN KAWALAN SOSIAL TERHADAP PENGGUNA DADAH YANG  
SEDANG MENGIKUTI PROGRAM PENGAWASAN DI CAWANGAN  
PENGAWASAN, BIRO KAWALAN NARKOTIK, BRUNEI DARUSSALAM**

**ABSTRAK**

Kawalan sosial merupakan mekanisme terbaik untuk mengawal dan mencegah tingkah laku devian, delinkuen dan jenayah. Permasalahan kajian ini ialah meneliti kesan kawalan sosial terhadap pengguna dadah yang menjalani pengawasan. Manakala objektif kajian ini pula ialah untuk meneliti pengaruh keempat-empat faktor utama kawalan sosial iaitu kawalan diri, pengawasan, program pengawasan dan sokongan sosial kepada pengguna dadah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sebagai kaedah utama untuk mendapatkan data. Kajian survei menggunakan soal selidik telah dilakukan kepada seramai 250 orang responden. Kaedah kualitatif iaitu temu bual juga digunakan bagi membantu dalam menyokong dan melengkapkan lagi dapatan data kuantitatif. Data yang diperoleh (skor daripada variabel-variabel peramal dan kriteria) telah dianalisis dengan menggunakan analisis regresi berganda melalui pendekatan *stepwise*. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keempat-empat faktor iaitu kawalan diri, pengawasan, program pengawasan dan sokongan sosial yang terdiri daripada ibu bapa atau keluarga dan masyarakat secara signifikan telah menyumbang dan mempengaruhi dalam memberikan kesan positif terhadap kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa keempat-empat faktor kawalan sosial itu memberikan kesan yang positif terhadap pengguna dadah yang menjalani pengawasan dan ini mencegah mereka untuk tidak mengulangi penggunaan dadah walaupun mereka belum

selesai atau tamat menjalani pengawasan. Jika mereka gagal dalam pengawasan, maka salah satu faktor atau kesemua faktor adalah lemah dan longgar.

**THE EFFECTS OF SOCIAL CONTROL ON DRUG USERS WHO ARE  
UNDERGOING SUPERVISION PROGRAM AT SUPERVISION BRANCH,  
NARCOTICS CONTROL BUREAU, BRUNEI DARUSSALAM**

**ABSTRACT**

Social control is the best mechanism for controlling and preventing deviant, delinquent and criminal behavior. The problem statement of this research is to examine the effects of social control among drug users who are under supervision. Meanwhile the objective of the study is to examine the influence of four main factors of social control which are self-control, supervision, supervision program and social support on drug users. This research used quantitative method as the main method to obtain the data. A survey research using questionnaire was conducted to 250 respondents. Qualitative method in the form of interviews were also used to assist in supporting and as a complement for the quantitative findings. The data obtained (score from predictor and criterion variables) were analyzed by using multiple regression analysis through stepwise approach. The findings of this research indicated that all four factors which are self-control, supervision, supervision program and social support that consist of parents or families and societies have significantly contributed and influenced in giving a positive impact on the social control of drug users who were under supervision. Hence, it can be concluded that the four factors of social control have a positive effect on drug users who are under supervision and this can prevent them from repeating drug use even though they are still under supervision. If they fail in supervision, either one or all factors is weak and loose.

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

Kawalan sosial merupakan mekanisme penting untuk mengawal dan mencegah tingkah laku devian, delinkuen dan jenayah. Pengguna dadah khususnya, baik yang menjalani hukuman dan pemulihan di penjara atau pusat pemulihan dadah ataupun pengawasan sememangnya dikenakan kawalan sosial. Ini bertujuan untuk mengukuhkan kawalan sosial mereka di samping mencegah mereka dari mengulangi penggunaan dadah. Bab ini menjelaskan secara teliti tentang latar belakang lokasi kajian iaitu Biro Kawalan Narkotik sebagai sebuah jabatan kerajaan di Negara Brunei Darussalam yang menangani penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang mengkhayalkan dan penjelasan tentang Cawangan Pengawasan sebagai lokasi yang menjadi fokus dalam kajian ini yang mengenakan kawalan sosial kepada pengguna dadah yang mengikuti pengawasan. Selain itu, penjelasan berhubung dengan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, limitasi kajian, definisi terminologi, etika dan penyusunan bab kajian juga turut diterangkan dalam bab ini.

### **1.1 Latar Belakang Lokasi Kajian**

Bahagian ini menjelaskan tentang Biro Kawalan Narkotik dan Cawangan Pengawasan sebagai suatu gambaran awal lokasi kajian seperti yang diterangkan di bawah ini.

### **1.1.1 Biro Kawalan Narkotik**


Biro Kawalan Narkotik (BKN) merupakan salah sebuah jabatan kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri di Brunei Darussalam. BKN merupakan salah sebuah institusi koreksional yang berhubung dengan penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang mengkhayalkan. Ia telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1988. Sebelum tertubuhnya BKN, undang-undang berhubung dengan dadah dikendalikan oleh Polis Diraja Brunei. Manakala Pendidikan Pencegahan Dadah pula dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Pada tahun 1988 sehingga tahun 1990, ibu pejabat BKN terletak di Kampong Sumbiling, Bandar Seri Begawan. Kemudian pada tahun 1990 sehingga 1995, ibu pejabat BKN terletak di Gadong yang dikenali sebagai BKN Rakis. Manakala pada tahun 1995 sehingga sekarang, ibu pejabat BKN terletak di Kampong Tungku, Gadong. Memandangkan Negara Brunei Darussalam terbahagi kepada empat daerah, maka setiap daerah itu mempunyai pejabat BKN masing-masing. Ibu pejabat BKN terletak di Daerah Brunei Muara dan tiga pejabat BKN yang lain terletak di Daerah Temburong, Daerah Tutong dan Daerah Belait. Visi BKN ialah “Masyarakat Bebas Dadah, Rakan Kongsi Ke Arah Keselamatan Negara”. Manakala Misi BKN pula ialah “Meningkatkan keselamatan negara dan kesedaran orang ramai melalui pembasmian pengedaran dan penyalahgunaan dadah secara menyeluruh, dan penguatkuasaan undang-undang, rawatan dan pemulihan, pendidikan pencegahan dadah, penyelidikan dan perkhidmatan jagaan lanjut” (Biro Kawalan Narkotik<sup>1</sup>, n.d.).

Selain itu, matlamat BKN adalah untuk mendokong dan menimbulkan kesedaran terhadap dasar kebangsaan mengenai penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang mengkhayalkan dan juga untuk mewujudkan masyarakat Brunei Darussalam bebas dari penyalahgunaan dadah. Manakala fungsi BKN pula adalah sebagai agensi utama dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang mengkhayalkan. Ia juga menyediakan perkhidmatan sokong bantu dari segi pengurangan kehendak melalui program pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah dan jagaan lanjutan. BKN juga menjadi agensi penyelaras bagi semua perkara yang berkaitan dengan pembasmian penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang mengkhayalkan.

Pada mulanya BKN mempunyai lima cawangan sahaja iaitu Cawangan Keselamatan dan Perkhidmatan Am, Cawangan Pelaksana dan Risikan, Cawangan Penyelidikan, Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah dan Cawangan Pengawasan. Setelah Pusat Al-Islah (dulunya dikenali sebagai Rumah Al-Islah yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 1 November 1987, namun atas keperluan serta langkah-langkah keselamatan, Rumah Al-Islah telah diambil alih oleh Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 15 Mac 1990) dimasukkan di bawah cawangan BKN pada 1 Februari 2008, maka BKN mempunyai enam cawangan kesemuanya. Setiap cawangan mempunyai Penolong Pengarah masing-masing (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.). Struktur organisasi BKN adalah seperti dalam Rajah di bawah ini.





Rajah 1.1: Struktur organisasi Biro Kawalan Narkotik

Sumber: Biro Kawalan Narkotik

### 1.1.1(a) Akta Penyalahgunaan Dadah

Akta ini mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1978. Akta ini dinamakan sebagai Akta Penyalahgunaan Dadah (*Misuse of Drugs Act*) Penggal 27, 1978. Ia memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan dadah terkawal, hukuman-hukuman dan peruntukan yang berhubung dengan rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah. Ia mengandungi 35 seksyen atau bab kesemuanya. Kemudian akta tersebut telah dipinda dan dikenali sebagai Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27, 1984. Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 ialah undang-undang utama bagi kesalahan penyalahgunaan dadah di Brunei Darussalam. Akta ini merangkumi kawalan dadah termasuk dadah narkotik dan

psikotropik (*psychotropic*). Undang-undang ini memperuntukkan semua kesalahan dadah sebagai kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran dan undang-undang ini menyediakan hukuman bagi setiap kesalahan. Akta ini dirujuk kepada sesiapa yang melakukan kesalahan penyalahgunaan dadah, baik bagi kesalahan pertama mahupun berulang. Pindaan seterusnya akta ini ialah pada 23 November 1998 dengan pindaan dadah jenis *methylamphetamine* (syabu) daripada dadah Kelas B kepada dadah Kelas A (Biro Kawalan Narkotik<sup>1</sup>, n.d.). Pindaan akta ini berlaku disebabkan oleh meningkatnya masalah penyalahgunaan dadah atau jumlah pengguna dadah ataupun pengedar dadah jenis ini (*methylamphetamine*) di Brunei Darussalam.

Pada kebiasaannya, di Brunei Darussalam, kesalahan yang sering dilakukan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 meliputi tiga seksyen utama. Seksyen 3 khusus bagi sesiapa yang mengedar dadah yang dikawal, Seksyen 6 khusus bagi sesiapa yang memiliki dan memakan dadah yang dikawal, dan Seksyen 7 pula khusus bagi sesiapa yang memiliki perkakas atau peralatan yang digunakan bagi memakan atau menghisap dadah (*Laws of Brunei*, 1984). Ketiga-tiga seksyen ini mempunyai hukuman-hukuman yang tertentu dan bagi Seksyen 3 pesalah akan digantung sampai mati jika melebihi had dadah yang diedar. Manakala Seksyen 6 pula hukumannya bergantung pada jenis dadah yang digunakan mengikut beratnya dan Seksyen 7 juga mempunyai hukuman-hukumannya yang tertentu seperti yang termaktub di dalam Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 (*Laws of Brunei*, 1984).

Dengan pindaan Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 pada Jun 1992, Kerajaan Brunei Darussalam telah menguatkuasakan hukuman mati bagi memiliki dadah

terkawal untuk pengedaran lebih daripada 15 gram heroin, 15 gram morfin, 1,200 gram opium, 500 gram ganja, 200 gram resin ganja, 30 gram kokain dan 50 gram *methylamphetamine*. Manakala Seksyen 15 memperuntukkan seseorang yang didapati memiliki beberapa jumlah dadah yang terkawal diandaikan sebagai menyeludup dadah terkawal jika ia didapati memiliki lebih daripada 2 gram heroin, 3 gram morfin, 100 gram opium, 15 gram ganja, 10 gram resin ganja, 3 gram kokain dan 20 gram *methylamphetamine* (Biro Kawalan Narkotik1, n.d.).


Selain itu, Perintah Darurat (Pengedaran Dadah)(Mendapatkan Kembali Hasil) 1996 telah berkuatkuasa pada 30 Mac 1996. Perintah ini menyediakan peruntukan bagi mendapatkan kembali hasil daripada pengedaran dadah dan peruntukan-peruntukan lain berhubung dengan pengedaran dadah (Biro Kawalan Narkotik1, n.d.). Dalam erti kata lain, perintah itu telah memperuntukkan bahawa semua harta benda yang diperolehi hasil pengedaran dadah boleh dirampas oleh kerajaan.

### **1.1.2 Latar Belakang Cawangan Pengawasan**

Cawangan Pengawasan merupakan salah satu cabang dalam struktur organisasi BKN. Cawangan ini bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan dan pendekatan pemulihan dadah dan inhalan kepada pengguna dadah yang dikenali sebagai Orang Yang Dibawah Pengawasan (OYDP) dan juga mangsa inhalan. Cawangan ini bertindak dalam memberikan perkhidmatan jagaan lanjutan kepada mereka melalui pentadbiran dan pengurusan yang teratur dan bersistematik berpandukan kepada visi dan misi cawangan ini. Visi cawangan ini adalah untuk “Mencapai ke arah tahap sifar masalah kes berulang

sepanjang dan selepas skim pengawasan dan pemulihan”. Manakala misinya pula ialah untuk “Membantu, membimbing, menyokong dan memantau perkembangan OYDP melalui perkhidmatan yang berkualiti dengan pegawai serta kakitangan yang prihatin, berpengetahuan dan berkemahiran dalam proses pemulihan dan rawatan dadah ke arah pencegahan kes penagihan berulang” (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.). Objektif Cawangan Pengawasan ini pula ialah untuk membimbing dan memantau OYDP supaya tidak kembali bergiat dengan penyalahgunaan dadah iaitu mencegah penagihan semula. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan mereka dapat diintegrasikan dan bergaul dengan masyarakat umum dan bersedia melakukan perubahan kepada seorang yang produktif dan berguna (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).

Dalam memberikan perkhidmatan yang teratur dan bersistematik terhadap OYDP, BKN telah mengemaskini struktur organisasi Cawangan Pengawasan yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2016. Struktur organisasi Cawangan Pengawasan boleh dilihat pada Rajah di bawah ini. Dari Rajah tersebut menunjukkan bahawa Cawangan Pengawasan diketuai oleh Penolong Pengarah Pengawasan dan ia dibantu oleh Pengurus Kanan Pengawasan. Dalam melancarkan pengurusan Cawangan Pengawasan ini ia dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Perkhidmatan Psikologi, Bahagian Perkhidmatan Psikososial dan Bahagian Perkhidmatan Pengawasan. Bahagian Perkhidmatan Psikososial pula dibahagikan kepada tiga sub-bahagian iaitu Bahagian Perkhidmatan Program Kepulihan, Bahagian Perkhidmatan Kaunseling dan Bahagian Perkhidmatan Kesejahteraan Komuniti (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).



Rajah 1.2: Struktur organisasi Cawangan Pengawasan

Sumber: Biro Kawalan Narkotik

### 1.1.2(a) Bahagian Perkhidmatan Psikologi

Bahagian ini berperanan dalam mengendalikan pendaftaran masuk OYDP ke Skim Pengawasan, menerangkan Perintah Pengawasan dan menyerahkan jadual pengawasan. Di samping itu, ia juga berperanan dalam penyediaan perangkaan yang berkaitan khusus untuk keperluan bahagian ini. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam menjalankan penilaian psikologi kepada mereka dengan menggunakan kaedah psikologi seperti *Addiction Severity Index (ASI)*, *Drug Abuse Screening Test (DAST)*, *Socrates 8*, *Mini Mental State Examination (MMSE)* dan *Personality Assessment Inventory (PAI)*. Selain

itu, ia juga membantu untuk mengenal pasti aktiviti *life skills* yang bersesuaian untuk mereka dan menyediakan perancangan aktiviti yang dilaksanakan bagi sepanjang tahun (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).

Bahagian ini mempunyai beberapa objektif, antara objektif bahagian ini adalah untuk mengukur ciri-ciri peribadi atau personaliti OYDP yang lebih objektif, mengumpul maklumat mereka melalui kaji selidik, temuduga dan pemerhatian yang bertujuan untuk membantu kaunselor dan pegawai pengawasan dalam penilaian mereka, mengenalpasti risiko-risiko yang mereka hadapi dan faktor-faktor yang mungkin menghindari keputihan mereka, menyediakan maklumat penting yang berkaitan dengan rawatan yang mungkin sukar untuk mereka meluahkan secara terus di dalam temu duga biasa, memberi maklumat yang *valid* dan *reliable* tentang mereka berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang telah dikumpul, dan menyediakan maklumat yang diperlukan pada permulaan rawatan dan menjelaskan matlamat dan fokus rawatan (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).

### **1.1.2(b) Bahagian Perkhidmatan Pengawasan**

Bahagian ini pula bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas pengawasan kepada OYDP mengikut kategori kemasukan mereka ke pengawasan sama ada melalui skim pengawasan dadah mandatori, skim pengawasan dadah sukarela atau skim pengawasan dadah pentadbiran. Bahagian ini juga berperanan untuk memastikan OYDP melapor ke pengawasan mengikut masa yang telah ditetapkan dan berjumpa dengan pegawai pengawasan setiap kali mereka melapor. Pegawai pengawasan akan mengarahkan mereka untuk mengambil contoh urin sama ada pada setiap kali melapor, secara berkala ataupun

mengejut dan juga mengarahkan mereka untuk berjumpa dengan pembantu petugas pengawasan yang dikenali sebagai Rakan Harmoni iaitu satu kumpulan bekas OYDP yang dilantik untuk bertugas di Cawangan Pengawasan di Bahagian Perkhidmatan Kesejahteraan Komuniti. Rakan Harmoni akan membantu rakan-rakan mereka iaitu OYDP dalam menjalani pengawasan (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).

Selain itu, bahagian ini juga melaksanakan lawatan ke rumah OYDP dan seterusnya berjumpa dengan keluarga mereka, mengendalikan sesi temu duga untuk mengetahui perkembangan diri mereka, menilai mereka untuk disokong menaiki fasa dan sokongan bebas, menyediakan persuratan berkaitan dengan penganalisan ke atas contoh urin, memberikan perkhidmatan kaunseling kepada mereka, menyalurkan permohonan bantuan dan kesejahteraan mereka kepada Bahagian Perkhidmatan Program Kesejahteraan dan Komuniti, menyerahkan mereka yang diambil tindakan pendakwaan kepada Cawangan Pelaksana dan Risikan, menyediakan kertas kerja bagi pembaikan bahagian ini, dan menyediakan perancangan aktiviti untuk dilaksanakan sepanjang tahun (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.). Objektif bahagian ini ialah untuk menjadikan OYDP mematuhi peraturan-peraturan pengawasan dan membantu mereka untuk pulih sepenuhnya.

### **1.1.2(c) Bahagian Perkhidmatan Psikososial**

Bahagian ini mengandungi tiga sub-bahagian iaitu Bahagian Perkhidmatan Program Kepulihan, Bahagian Perkhidmatan Kaunseling dan Bahagian Perkhidmatan Kesejahteraan Komuniti.

### **1.1.2(c)(i) Bahagian Perkhidmatan Program Kepulihan**

Bahagian ini berperanan dalam merancang, mengatur dan melaksanakan program-program mandatori dan tambahan kepada OYDP. Program mandatori adalah suatu program yang wajib diikuti oleh OYDP. Antara aktiviti-aktiviti yang telah disusun dalam program mandatori seperti orientasi, kelas kerohanian, muzakarah bersama keluarga dan aktiviti berkumpulan (*team building*). Manakala program tambahan pula merupakan suatu program yang digalakkan untuk mereka mengikutinya. Aktiviti-aktiviti tambahan adalah seperti sukan dan riadah, lawatan ke tempat-tempat yang berkenaan (pekerjaan dan pemulihan), aktiviti keagamaan (mengikuti sambutan hari-hari kebesaran Islam), aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti ketahanan mental dan fizikal iaitu *outward bound* Brunei Darussalam. Bahagian ini juga mempunyai rangkaian (*network*) dengan agensi-agensi yang berkepentingan dalam pelaksanaan aktiviti yang dirancang untuk mereka. Ia juga bertanggungjawab untuk menyediakan kertas kerja bagi pembaikan bahagian ini, dan menyediakan perancangan aktiviti untuk dilaksanakan sepanjang tahun (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).

Objektif bahagian ini ialah untuk mempertingkatkan kesedaran OYDP tentang bahaya penyalahgunaan dadah melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang diberikan, meningkatkan keyakinan dan jati diri mereka, bijak dalam menguruskan masa dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah, memberikan kesedaran melalui program kerohanian dan memberikan kesedaran tentang kepentingan hidup bermasyarakat melalui aktiviti sosial (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).



### **1.1.2(c)(ii) Bahagian Perkhidmatan Kaunseling**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk memberikan khidmat kaunseling dan intervensi kepada OYDP dan keluarga mereka. Ia juga berperanan untuk merancang, mengatur dan melaksanakan sesi pencegahan berulang (*relapse prevention*), pemulihan awal (*early recovery*) dan aktiviti bersama klien, memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada orang ramai berkaitan pelan rawatan yang disediakan di Cawangan Pengawasan, menyediakan kertas kerja bagi pbaikan perkhidmatan kaunseling, dan menyediakan perancangan aktiviti untuk dilaksanakan sepanjang tahun (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh bahagian ini ialah mengendalikan sesi kaunseling individu dan keluarga, memberikan bimbingan psiko-pendidikan kepada klien yang berstatus pelajar dan berumur di bawah 18 tahun, mengendalikan sesi sokong bantu kelompok, kumpulan sokongan keluarga (*family support group*) dan sesi kaunseling kelompok bersama dengan ahli keluarga klien, memberikan khidmat bimbingan kepada kumpulan yang berisiko tinggi melalui sesi kaunseling kelompok, dan memberi taklimat berbentuk pembelajaran dan kefahaman tentang kepentingan memahami maksud penagihan, pengulangan dadah dan proses kepulihan (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).

Objektif bahagian ini ialah untuk meningkatkan kefahaman, kesedaran, keinsafan dan mengenal sendiri menjurus ke arah penyelesaian, memberikan dorongan dan harapan serta berinovatif untuk membina keyakinan sendiri terutama kepada isu-isu penyalahgunaan dadah, gejala sosial, isu keluarga khusus membantu klien dan keluarganya, berbincang dan mengaturkan program yang diaturkan secara terarah dan

diyakini membantu individu, memahami kendirinya, alam sekelilingnya ke arah memperbaiki imej yang negatif, dan untuk mengenalpasti intipati permasalahan, mencari jalan penyelesaian melalui penghuraian masalah seperti tekanan emosi yang berlebihan dan membuat perancangan serta menetapkan matlamat yang jelas (Biro Kawalan Narkotik2, n.d.).

### **1.1.2(c)(iii) Bahagian Perkhidmatan Kesejahteraan Komuniti**

Bahagian ini pula berperanan dalam menilai, merancang dan menyelaras permohonan bantuan daripada OYDP kepada agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan persendirian dengan menyediakan laporan sokongan. Selain itu, ia juga menyelaras perkhidmatan petugas Rakan Harmoni, menyelaras perkhidmatan Ahli Jawatankuasa (AJK) Rakan Harmoni, dan menyediakan perancangan aktiviti untuk dilaksanakan sepanjang tahun (Biro Kawalan Narkotik2, n.d.). Penonjolan peranan bahagian ini jelas dilihat kepada perkhidmatan sokong bantu kepada OYDP. Sesi sokong bantu ini dikendalikan oleh Rakan Harmoni.

### **Rakan Harmoni**

Rakan Harmoni ditubuhkan secara rasmi pada 17 Ogos 2006. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh pembantu petugas yang dikenali sebagai Rakan Harmoni. Mereka merupakan satu kumpulan bekas OYDP yang telah tamat dan berjaya menjalani pengawasan dan dikenalpasti mempunyai prestasi yang sangat baik. Mereka dilantik untuk membantu rakan-rakan OYDP mereka yang mengharungi proses pemulihan. Ini bertepatan dengan

visi dan misi Rakan Harmoni. Visinya adalah “bersama mendukung konsep sokong bantu untuk mengatasi cabaran kepulihan dan membantu penyatuan kembali dengan keluarga dan masyarakat”. Manakala misinya pula ialah “saling membantu dan sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat kehidupan yang lebih bermakna secara berterusan melalui bimbingan dan sokongan kepada rakan sebaya dalam perjalanan pemulihan” (Biro Kawalan Narkotik2, n.d.).

Rakan Harmoni berperanan sebagai *role model* atau contoh kepada OYDP dalam sama-sama berganding bahu menyokong dan membantu mereka ke arah proses pemulihan yang berkesan. Ia juga menjalankan beberapa kaedah program terapeutik komuniti seperti terapi kekeluargaan yang bertujuan untuk menjadikan mereka sebagai seorang insan yang bertanggungjawab, berkeyakinan, bermotivasi dan mempunyai kesedaran dalam menjalani proses pemulihan dadah. Selain itu, ia juga menjalankan program sokong bantu (*self-help program*) dan membantu dalam kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh bahagian perkhidmatan program kepulihan, perkhidmatan pengawasan, perkhidmatan kaunseling dan perkhidmatan psikologi (Biro Kawalan Narkotik2, n.d.).

Objektif Rakan Harmoni ialah untuk meningkatkan amalan saling bantu membantu dan bersama memiliki arah dan tujuan hidup agar tetap bebas dan bersih daripada dadah. Selain itu ialah untuk mengukuhkan OYDP agar berusaha dengan gigih untuk mencapai matlamat kehidupan yang lebih bermakna (Biro Kawalan Narkotik2, n.d.).

### **1.1.3 Syarat Kemasukan Pengawasan**

Kemasukan ke pengawasan adalah melalui tiga cara iaitu:

- a. Kemasukan secara mandatori.
- b. Kemasukan secara sukarela.
- c. Kemasukan secara pentadbiran.

#### **1.1.3(a) Kemasukan Secara Mandatori**

Terdapat tiga cara bagi kemasukan secara mandatori iaitu:

- a. Pengguna dadah yang disabitkan kesalahannya atas perintah mahkamah di bawah Seksyen 6(b) Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27, bagi kesalahan memakan dadah.
- b. Pengguna dadah yang dibebaskan daripada Pusat Al-Islah setelah menjalani rawatan dan pemulihan di dalam pusat tersebut selama tidak melebihi 36 bulan.
- c. Pengguna dadah yang dibebaskan daripada penjara atas kesalahan seksyen 6(b) Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27, bagi kesalahan memakan dadah.

#### **1.1.3(b) Kemasukan Secara Sukarela**

Kemasukan secara sukarela pula adalah melalui dua cara iaitu:

- a. Pengguna dadah sendiri menghadapkan permohonan secara bertulis kepada Pengarah Biro Kawalan Narkotik untuk menjalani pengawasan secara sukarela bagi tempoh tidak

melebihi satu tahun. Hal ini termaktub dalam Seksyen 32A(1) Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

- b. Mana-mana ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah atau suami/ isteri pengguna dadah menghadapkan permohonan secara bertulis kepada Pengarah Biro Kawalan Narkotik untuk menjalani pengawasan secara sukarela bagi tempoh tidak melebihi satu tahun. Perkara ini termaktub dalam Seksyen 32 (2) Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

### **1.1.3(c) Kemasukan Secara Pentadbiran**

Kemasukan jenis ini adalah melalui tiga cara iaitu:

- a. Rujukan dari tangkapan Cawangan Pelaksana dan Risikan, Biro Kawalan Narkotik bagi orang yang melakukan kesalahan pertama kali di bawah Seksyen 6(b) Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27, bagi kesalahan memakan dadah. Mereka ini akan menjalani pengawasan selama enam bulan. Pengawasan jenis ini dikenali sebagai Pengawasan Dadah Pentadbiran (PDP).
- b. Rujukan daripada majikan untuk pekerja yang disyaki menggunakan dadah.
- c. Psiko-Pendidikan (*Psycho-Education*). Khusus bagi pengguna dadah yang berumur di bawah 18 tahun atau masih berstatus pelajar.

#### **1.1.4 Peraturan Pengawasan**

OYDP hendaklah mematuhi peraturan pengawasan iaitu Perintah Pengawasan di bawah Peraturan 12(2), Peraturan-Peraturan Penyalahgunaan Dadah (Yayasan-Yayasan yang Diluluskan dan Rawatan dan Pemulihan) 1987 seperti berikut:

- a. Mereka hendaklah melaporkan diri kepada pegawai pengawasan pada masa dan tempat sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai pengawasan.
- b. Membenarkan pegawai pengawasan untuk melawat ke tempat kediaman mereka.
- c. Mereka tidak boleh menukar tempat kediaman mereka tanpa kebenaran bertulis daripada pegawai pengawasan.
- d. Mereka tidak boleh meninggalkan Negara Brunei Darussalam tanpa kebenaran daripada pegawai pengawasan.
- e. Mereka hendaklah memaklumkan kepada pegawai pengawasan dengan kadar yang segera mengenai sebarang pertukaran pekerjaan mereka.
- f. Mereka hendaklah menghadirkan diri pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh pegawai pengawasan dan memberikan contoh urin mereka apabila dikehendaki.
- g. Mereka tidak boleh dijumpai di mana-mana tempat atau bersama-sama dengan sesiapa jua sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai pengawasan.
- h. Mereka hendaklah menghadirkan diri untuk menerima nasihat pada masa, tempat dan di hadapan orang-orang sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai pengawasan.
- i. Mereka tidak boleh memiliki apa jua dadah yang dikawal.
- j. Mereka tidak boleh menghisap, memakan dan menyuntik apa jua dadah yang dikawal.

### **1.1.5 Tempoh Pengawasan**

Tempoh pengawasan adalah berdasarkan kepada kemasukan pengguna dadah ke pengawasan. Bagi mereka yang menjalani pengawasan dadah secara mandatori, maka tempoh pengawasan mereka adalah tidak melebihi 24 bulan dan mereka akan menjalani dua fasa iaitu fasa pertama dan fasa kedua. Bagi mereka yang menjalani pengawasan dadah secara sukarela pula tempoh pengawasan mereka adalah tidak melebihi 12 bulan dan akan menjalani dua fasa iaitu fasa pertama dan kedua. Manakala bagi mereka yang menjalani pengawasan dadah secara pentadbiran, tempoh pengawasan mereka adalah tidak melebihi enam bulan dan pengawasan jenis ini tidak mempunyai fasa disebabkan jangka masa yang tidak panjang dan lagipun pengawasan jenis ini memberikan peluang dan kesedaran kepada pengguna dadah yang ditangkap pertama kali untuk pulih (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).

### **1.1.6 Pembebasan Pengawasan**

OYDP yang akan bebas pengawasan hendaklah memenuhi syarat-syarat pembebasan pengawasan. Dalam peringkat ini, pegawai pengawasan mempunyai peranan utama dalam menilai mereka untuk sokongan bebas. Pegawai pengawasan akan menghadapi cadangan pembebasan kepada Penolong Pengarah Pengawasan. Antara syarat-syarat penilaian bagi cadangan pembebasan mereka adalah seperti berikut:

- a. Mereka hendaklah mempunyai kedatangan melapor diri yang cemerlang.
- b. Mereka hendaklah mempunyai keputusan ujian urin yang negatif dan tidak mengandungi sebarang jenis dadah yang terkawal.

- c. Mereka hendaklah memiliki tingkah laku yang baik dan menunjukkan peningkatan sikap yang positif.
- d. Mereka hendaklah berdisiplin.
- e. Mereka hendaklah mengikuti aktiviti-aktiviti pengawasan.
- f. Mereka hendaklah mematuhi peraturan-peraturan pengawasan.

### **1.1.7 Pelanggaran Pengawasan**

Pengarah Biro Kawalan Narkotik diberikan kuasa untuk merujuk seseorang memasuki pengawasan secara mandatori dengan peruntukan di bawah peraturan 12(2) Peraturan-Peraturan Penyalahgunaan Dadah (Yayasan-Yayasan yang Diluluskan dan Rawatan dan Pemulihan) 1987. Jika OYDP didapati gagal mematuhi atau melanggar mana-mana salah satu Perintah Pengawasan Peraturan 12(2) itu, maka mereka boleh didakwa kerana melakukan kesalahan di bawah Peraturan 12(3)(a) dan jika sabit kesalahan mereka boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan/ atau Peraturan 12(3)(b) dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit (Biro Kawalan Narkotik<sup>2</sup>, n.d.).

### **1.2 Pernyataan Masalah**

Masalah penggunaan dadah adalah masalah yang tidak asing lagi dan merupakan masalah global. Negara-negara di dunia ini tidak terlepas dari menghadapi masalah penyalahgunaan dadah termasuklah Brunei Darussalam. Walaupun penduduk Brunei Darussalam dianggarkan seramai 417,200 orang (*Brunei Darussalam Statistical Yearbook*, 2015) yang jumlahnya tidaklah begitu besar berbanding dengan jumlah penduduk bagi negara ASEAN yang lain seperti Malaysia, Singapura, Indonesia,



Thailand, Filipina dan lain-lain, namun masalah penggunaan dadah di negara ini adalah sangat membimbangkan. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan tangkapan penggunaan dadah di Brunei bagi lima tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2012 sehingga 2016.

Jadual 1.1 menunjukkan besarnya jumlah tangkapan yang dilakukan oleh Biro Kawalan Narkotik dan kelihatan turun naiknya bilangan tangkapan tersebut. Jumlah tangkapan pada tahun 2012 adalah seramai 453 orang dan tangkapan itu meningkat pada tahun 2013 iaitu seramai 679 orang, kemudian tangkapan menurun sedikit pada tahun 2014 iaitu seramai 610 orang, tahun 2015 sebanyak 639 orang dan seterusnya meningkat seramai 641 orang pada tahun 2016. Jumlah tangkapan yang terbesar dibuat ialah pada tahun 2013 iaitu seramai 679 orang. Jenis dadah yang digunakan majoritinya adalah syabu (*methylamphetamine*).

Jadual 1.1: Bilangan tangkapan pengguna dadah di Brunei Darussalam bagi tahun 2012 hingga 2016

Perkara	Status	2012	2013	2014	2015	2016
Gender	Lelaki	383	570	517	535	559
	Perempuan	70	109	93	104	82
Kerakyatan	Warganegara	382	565	501	575	546
	Penduduk tetap	26	40	32	27	38
	Warga asing	45	73	77	37	57
	Tiada kerakyatan	0	1	0	0	0
Etnik	Melayu	396	597	508	589	579
	Cina	23	33	53	16	31
	Lain-lain	34	49	49	34	31
Umur (Tahun)	15 ke bawah	3	7	4	7	2
	16-20	35	47	52	46	47
	21-25	97	126	96	110	104
	26-30	95	153	123	136	133
	31 ke atas	223	346	335	340	355
Jumlah		453	679	610	639	641

Sumber: Unit Statistik Cawangan Penyelidikan, Biro Kawalan Narkotik, 2017

Pada kebiasaannya, pengguna dadah yang telah ditangkap akan dihadapkan ke mahkamah dan pihak mahkamah yang menentukan sama ada mereka itu ditempatkan di penjara, pusat pemulihan ataupun pengawasan. Di sana mereka menjalani hukuman dan pemulihan. Setelah mereka dibebaskan dari penjara atau pusat pemulihan dadah, mereka akan menjalani pemulihan seterusnya yang dikenali sebagai pemulihan lanjutan penyalahgunaan dadah atau pengawasan.

Pengawasan adalah salah satu tempat pemulihan di luar institusi khusus untuk pengguna dadah. Selain pengguna dadah berada di luar bersama masyarakat, mereka juga dikehendaki untuk melapor kepada pegawai pengawasan (penyelia mereka) dan menjalani program yang dikendalikan oleh pihak pengawasan. Di Brunei Darussalam, pengguna dadah yang menjalani pengawasan dikenali sebagai Orang Yang Dibawah Pengawasan (OYDP). Jadual 1.2 menunjukkan taburan pengguna dadah yang menjalani pengawasan bagi tahun 2015 dan 2016 di Brunei Darussalam. Jumlah pengguna dadah yang menjalani pengawasan menunjukkan penurunan dari segi bilangannya. Walaupun berlakunya penurunan jumlah pengguna dadah, akan tetapi bilangan tersebut masih di tahap yang tinggi. Pada tahun 2015, sejumlah 329 OYDP mengikuti pengawasan iaitu seramai 278 (84.5 peratus) orang lelaki dan 51 (15.5 peratus) orang perempuan. Penurunan OYDP berlaku pada tahun 2016 seramai 273 orang iaitu 243 (89.0 peratus) lelaki dan 30 (11.0 peratus) perempuan. Majoriti OYDP itu terdiri daripada warganegara Brunei berbanding warganegara lain iaitu pada tahun 2015 jumlahnya adalah seramai 310 (94.2 peratus) orang dan seramai 265 (97.1 peratus) orang pada tahun 2016.

OYDP daripada etnik Melayu menunjukkan bilangan yang terbesar. Pada tahun 2015 sejumlah 312 (94.8 peratus) orang terdiri daripada etnik Melayu dan pada tahun 2016 pula adalah seramai 267 (97.8 peratus) orang. OYDP daripada etnik Cina dan lain-lain etnik tidak menunjukkan bilangan yang besar. Selain itu, OYDP yang berumur 31 tahun ke atas menunjukkan bilangan yang besar iaitu seramai 183 (55.6 peratus) orang pada tahun 2015 dan 143 (52.4 peratus) orang pada tahun 2016 berbanding bilangan OYDP yang berumur 15 tahun ke bawah, 16 hingga 20 tahun, 21 hingga 25 tahun dan 26 hingga 30 tahun.

Jadual 1.2: Taburan Orang Yang Dibawah Pengawasan (OYDP) bagi tahun 2015 dan 2016

Perkara	Status	2015		2016	
		Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Gender	Lelaki	278	84.5	243	89.0
	Perempuan	51	15.5	30	11.0
Kerakyatan	Warganegara	310	94.2	265	97.1
	Penduduk tetap	19	5.8	8	2.9
	Warga Asing	0	0.00	0	0.00
Etnik	Melayu	312	94.8	267	97.8
	Cina	8	2.4	5	1.8
	Lain-lain	9	2.7	1	0.4
Umur (Tahun)	15 ke bawah	0	0.00	4	1.5
	16-20	21	6.4	29	10.6
	21-25	44	13.4	45	16.5
	26-30	81	24.6	52	19.0
	31 ke atas	183	55.6	143	52.4
Jumlah		329	100	273	100

Sumber: Unit Statistik Cawangan Penyelidikan, Biro Kawalan Narkotik, 2017

Pada lazimnya, pengguna dadah yang menjalani hukuman atau pemulihan di penjara atau pusat pemulihan dadah dikenakan kawalan sosial. Begitu juga dengan pengguna dadah yang menjalani pengawasan turut dikenakan kawalan sosial agar mereka

mematuhi peraturan dan undang-undang di samping mencegah mereka dari mengulangi penggunaan dadah. Oleh itu, pengguna dadah yang menjalani hukuman dan pemulihan di dalam institusi koreksional seperti penjara atau pusat pemulihan dadah dikatakan lebih selesa dan mudah untuk dikawal kerana mereka berada dalam institusi berkenaan berbanding dengan mereka yang menjalani pengawasan kerana mereka berada di luar institusi koreksional yang didedahkan bersama masyarakat dan hanya dipantau atau diselia oleh pegawai pengawasan. Keberadaan pengguna dadah bersama masyarakat merupakan cabaran terhadap mereka dan pemulihan diperingkat ini juga adalah penentu kepada berkesan atau tidak ataupun berjaya atau gagal nya pengawasan yang dikenakan itu. Dalam hal ini timbul persoalan iaitu bagaimana pengguna dadah yang menjalani pengawasan yang berada di luar bersama masyarakat dapat mengawal diri mereka untuk menjauhi dan bebas daripada dadah.

Kajian-kajian terdahulu telah menegaskan tentang kepentingan kawalan sosial terhadap pengguna dadah yang menjalani pengawasan melibatkan empat faktor utama kawalan sosial iaitu kawalan diri (Gottfredson & Hirschi, 1990; Akers, 1991; Turner & Piquero, 2002; Pantaloni et al., 2002; Carey et al., 1999; Mahmood Nazar et al., 2006; Fauziah & Naresh, 2009a; Fauziah et al., 2009 & 2011; Ruhani et al., 2012; Muhammad Asyraf & Jamaludin, 2013; Schinke et al., 2016; Flexon et al., 2016), pengawasan (Abdul Ghafar, 1991; Prendergast et al., 1995; Wexler et al., 1999; Knight et al., 1999; Hiller et al., 1999; Mahmood Nazar et al., 2005; Lasimon, 2007; Muhd Rashid & Muhd Fa'iz, 2011), program pengawasan (Kelly et al., 1995; Toumbourou et al., 1998; Wexler et al., 1999; Brown et al., 2001; Mahmood Nazar et al., 2005; Mahmood Nazar et al., 2006; Jason et al., 2007; Murnizam et al., 2011; Muhd Rashid & Muhd Fa'iz, 2011; Cheney et

al., 2014; Gunter & Sami Abdel-Salam, 2014; Jason et al., 2015; Cucciare et al., 2016) dan sokongan sosial (Hirschi, 1969 & 2009; Jenson et al., 1986; Cullen, 1994; Bahr et al., 1998; Patricia & Robert, 2005; Mahmood Nazar et al., 2006; Bales & Mears, 2008; Fauziah et al., 2009; Fauziah & Naresh, 2009b; Mohd Azlan & Mahmood Nazar, 2009; Wan Rafaei et al., 2009; Mohamad Johdi, 2012; Ruhani et al., 2012; Beaver et al., 2016; Appiah et al., 2017; Birtel et al., 2017; Chan et al., 2017).

Oleh sebab dapatan kajian berhubung keempat-keempat faktor utama kawalan sosial itu diperoleh daripada negara-negara luar dan tidak terdapat kajian tersebut dihasilkan di Brunei Darussalam, maka kajian ini adalah sangat penting untuk dikaji bagi meneliti keempat-empat faktor utama kawalan sosial iaitu kawalan diri, pengawasan, program pengawasan dan sokongan sosial dalam memberikan kesan terhadap kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan di Cawangan Pengawasan, Biro Kawalan Narkotik, Brunei Darussalam. Kajian ini menggunakan dua teori kawalan sosial iaitu teori ikatan sosial yang diperkenalkan oleh Travis Hirschi (1969) dan teori kawalan diri yang dipelopori oleh Michael R. Gottfredson dan Travis Hirschi (1990) bagi menyokong dapatan kajian ini. Manakala metodologi yang digunakan dalam kajian ini pula adalah kaedah kuantitatif sebagai kaedah utama dan kaedah kualitatif sebagai kaedah tambahan bagi menyokong dapatan data kuantitatif. Seramai 250 orang pengguna dadah yang menjalani pengawasan dijadikan sebagai responden kajian dan seramai 10 orang pula telah ditemubual dengan menggunakan temu bual jenis semi berstruktur.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian ini mengemukakan beberapa bentuk soalan. Antara bentuk soalan kajian adalah seperti berikut:

- a. Sejauhmana kawalan diri berkesan sebagai mekanisme kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan?
- b. Sejauhmana pengawasan berkesan sebagai mekanisme kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan?
- c. Sejauhmana program pengawasan berkesan sebagai mekanisme kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan?
- d. Sejauhmana kumpulan sokongan sosial berkesan sebagai mekanisme kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan?

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

- a. Untuk meneliti kesan kawalan diri sebagai mekanisme kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan.
- b. Untuk mengenalpasti impak pengawasan sebagai mekanisme kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan.
- c. Untuk mengenalpasti impak program pengawasan sebagai mekanisme kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan.
- d. Untuk meneliti kesan kumpulan sokongan sosial sebagai mekanisme kawalan sosial pengguna dadah yang menjalani pengawasan.